



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 263 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 48,570 kes. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Kudat dan satu (1) kes di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 414 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 44,821 orang. Sejumlah 2,328 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 733 orang di hospital, 1,572 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 23 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 95 orang dan 27 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar dari zon merah ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **terdapat satu (1) kluster** baharu dilaporkan:

Kluster Jalan Labuk, Sandakan melibatkan dua (2) lagi kes positif COVID-19 dikesan pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 15 kes. Kes indeks merupakan pelajar yang dikesan positif melalui saringan masuk asrama pada 22 Januari 2021. Hasil saringan kontak rapat mendapati beberapa lagi rakan pelajar dan guru disahkan positif COVID-19.

- 5 Daripada 263 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 192 kes (73%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 41 kes (15.6%), saringan kluster baharu dan sedia ada lapan (8) kes (3%), saringan masuk asrama (2) kes (0.8%) dan 20 kes (7.6%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,084 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,321 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,505 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 35.79%.
- 7 Pada hari ini, daripada 263 kes COVID-19 yang dilaporkan, sebanyak 192 kes atau 73% adalah dalam kalangan kontak rapat. Dari segi aspek kawalan yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, lebih ramai kontak rapat dapat dijejaki dan dibuat ujian saringan COVID-19 dan seterusnya dikenakan kuarantin. Langkah ini adalah lebih baik kerana ia dapat memutuskan rantaian COVID-19 dengan segera. Dari sudut lain pula, lebih ramai kontak rapat dikesan sebagai positif COVID-19 mencerminkan tahap pematuhan SOP dalam komuniti adalah rendah.

B PELAKSANAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SEHINGGA 04 FEBRUARI 2021

- 1 Sabah akan terus melaksanakan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedia ada yang telah ditetapkan sehingga 4 Februari 2021.
- 2 Operasi pasar malam, pasar tamu dan pasar tani kekal tidak dibenarkan dibuka seperti ketetapan dalam SOP PKP Sabah yang telah dikeluarkan Kerajaan Negeri pada 23 Januari 2021.
- 3 Ini bagi memastikan penularan wabak pandemik COVID-19 dapat dibendung dalam kalangan masyarakat.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 sehingga 30 Januari 2021, sebanyak **1,762** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 60,401 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 223 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 27 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 37 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan lima (5) premis, di empat (4) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Kinabatangan, Semporna dan Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 128 lokasi di 11 daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.55%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Tenom	94%
3	Kota Belud	94%
4	Ranau	94%
5	Kunak	94%
6	Beluran	94%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Keningau	93%
11	Kota Marudu	93%
12	Kudat	92%
13	Papar	92%
14	Sandakan	92%
15	Semporna	92%
16	Kota Kinabalu	91%
17	Penampang	91%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 PDRM mendapati jumlah kenderaan yang tinggi di Kota Kinabalu pada hujung minggu adalah disebabkan oleh perkara berikut :
- i Pergerakan kenderaan ke Kota Kinabalu didapati meningkat kerana Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan digabungkan sebagai satu daerah.

- ii. Sepanjang tempoh PKP yang dilaksanakan pada tahun lepas, jumlah kenderaan yang diperiksa di Sekatan Jalan Raya (SJR) adalah dalam lingkungan 20,000 hingga 25,000 kenderaan pada setiap hari. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut meningkat kepada 35,000 hingga 40,000 kenderaan setiap hari pada PKP 2.0.
 - iii. Jumlah kenderaan yang diperiksa pada hujung minggu pula didapati terus meningkat kepada 60,000 kenderaan sehari. Peningkatan pergerakan kenderaan ini adalah disebabkan oleh penyalahgunaan surat kebenaran bertugas terutama golongan petugas dalam perkhidmatan perlu (Essential Services) termasuk menggunakan surat kebenaran bertugas harian untuk balik kampung dan sebagainya.
- 3 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
30 Januari 2021**